



ENVIRON

BULETIN PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN ALAM SEKITAR

EDISI

16

JANUARI - JUN
2014

25TH INTERNATIONAL
INVENTION, INNOVATION &
TECHNOLOGY EXHIBITION
2014 (ITEX 2014)

SOIL SCIENCE
CONFERENCE OF MALAYSIA
2014 (SOILS 2014)

WORLD CHANCELLORS
AND VICE CHANCELLORS
CONGRESS & AWARDS,
MUMBAI, INDIA.

Malaysia
Technology Expo
MTE 2014

Green Campus

PROGRAM TEROKA ALAM
PULAU PERHENTIAN KECIL,
TERENGGANU

Catatan Perjalanan

Persidangan di TURKI

ISSN 1985-0018



9 771985 001009

<http://ppkas.unimap.edu.my>



KANDUNGAN ENVIRON EDISI 16



- 06 Program Teroka Alam Pulau Perhentian Kecil Terengganu



- 08 Lawatan Ke Tapak Pembinaan Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari



- 03 Catatan Perjalanan Persidangan di Turki



- 09 Lawatan Industri Ke Malaysian NPK Fertilizer




- 10 Karnival Pengajian Tinggi
10 Lawatan Panel EAC



- 11 Pameran Serta Taklimat Konvokesyen Politeknik Merlimau
11 MTE 2014



- 12 List of Publication and Research Grant 2014



- 14 Journal



- 16 3MT Competition
16 World Chancellors and Vice Chancellors Congress & Awards



- 17 SOILS 2014



- 18 ITEX 2014
18 AYIE



- 19 Jamuan Makan PPKAS



- 20 INoSIM2014



- 21 Green Campus



- 22 Personaliti Pilihan



- 23 Perkahwinan & Kelahiran

SIDANG EDITOR



PENAUNG
Profesor Madya Dr Khairul Nizar Ismail



KETUA PENGARANG
Zaity Syazwani Mohd Odli



PENGARANG
Nur Liza Rahim



PENGARANG
Zuraini Mohd Ideris



PENGARANG
Norren Shariza Mohamed Mokhtar



PENGARANG
Mohamad Zahir Hanafi



PENGARANG
Shamshinar Salehuddin



PENGARANG
Suzyyana Saafi Soo

Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar
Kompleks Pusat Pengajian Jejawi 3
Universiti Malaysia Perlis

Tel : 604 - 979 8626
Faks : 604 - 979 8636

email : dean_enviromental@unimap.edu.my
http://ppkas.unimap.edu.my



Catatan Perjalanan Persidangan di TURKI

The Library dalam Kota Ephesus, Selcuk

Oleh: Norlia Mohamad Ibrahim

Sekitar jam 1230 tengah malam, tanggal 20 April 2014, kami bertolak daripada Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur menuju ke Istanbul, Turki dengan menaiki Pesawat MH 300. Perjalanan selama lebih kurang 13 jam memang sangat membosankan terpaksa menghabiskan masa dengan tidur sahaja. Alhamdulillah tepat jam 6.30 pagi waktu tempatan (waktu Turki lewat 5 jam dari Malaysia) pesawat yang membawa kami selamat mendarat di Lapangan Terbang Mustapha Kamal Ataturk, Istanbul. Dengan berbekalkan sehelai baju sejuk nipis kami meredah kedinginan pagi di Kota Istanbul pada suhu sekitar 9 darjah Celcius. Memang sejuk. Perjalanan kami kali ini ala-ala backpackers mat salleh, jadi kebanyakan mod pengangkutan menggunakan kenderaan yang paling murah yang boleh didapati. Berpandukan peta yang dibeli di lapangan terbang kami turun mencari sistem pengangkutan keretapi bawah tanah iaitu Metro untuk ke Aksaray. Harga tiket Metro ini memang murah, hanya TL 3 untuk kesemua arah. Sekiranya menaiki teksi anda perlu membayar lebih kurang TL 150 sehalal!! Memandangkan tempat persidangan terletak jauh ke selatan negara tersebut dan akan berlangsung pada 26 hb April, kami mengambil peluang untuk meneroka keindahan bumi para anbiya ini. Tempat pertama yang kami singgahi

ialah Bandara iaitu sebuah bandar pelabuhan yang terkenal di Turki. Untuk ke Bandara kami perlu menaiki kapal laut merentasi Laut Marmara. Perjalanan selama 2 jam memang tidak terasa kerana menikmati pemandangan yang sangat cantik di sekeliling laut Marmara. Tiket Feri kami berharga TL 40 seorang. Dari Bandara kami menaiki pula bas untuk ke Bandar Izmir yang merupakan bandar yang ke empat terbesar di Turki. Di sini barulah kami mula menjamah makanan tradisional Turki iaitu kebab. Salah satu tips untuk ke Turki ialah silalah bawa peket sos serta garam dan lada bagi penggemar makanan pedas kerana makanan Turki memang tidak pedas. Makanan mereka lebih menyamai makanan bahagian Eropah yang menggunakan lebih banyak tomato dalam resepi mereka. Kami bermalam di Selcuk kerana kami bercadang untuk melawat Kota Ephesus yang merupakan tinggalan kota zaman Rome. Disebabkan kota ini merupakan satu kota yang sangat besar, kami memerlukan satu hari penuh untuk menghabiskan pejelajahan kami di sini. Hotel yang kami sewa juga merupakan hotel bajet sesuai bagi backpackers seperti kami. Bagi satu malam di sini kami hanya dikenakan hanya EUR 30 sahaja. Disebabkan bajet kami yang terhad, kami memilih untuk menaiki bas dan bermalam di atas bas

Pemandangan dari atas belon udara panas sambil meninjau keindahan alam di Cappadocia



The Cotton Castle, Pamukkale, antara tempat yang wajib dilawati



Gunung yang masih diliputi salji di pergunungan di Daerah Erzurum



Musim bunga yang sungguh indah di Istanbul.



Berlatar belakangan The Blue Mosque di tengah-tengah Kota Romantis Istanbul

sahaja. Harga tiket sekitar TL 50 sahaja dan yang uniknya perkhidmatan bas di sana mempunyai pramugara seperti di dalam kapal terbang. Kami sampai di Pamukkale tepat jam 9.30 pagi dan terus ke Cotton Castle yang merupakan hasil pembentukan aliran batu kapur. Subhanallah, pemandangan sangat cantik dan sukar untuk digambarkan dengan kata-kata. Kami juga menunggu sehingga waktu maghrib untuk menikmati saat romantik melihat matahari terbenam di atas puncak Cotton Castle. Sekali lagi kami terpesona dengan keindahan ciptaan Allah. Kami berjalan turun sekitar jam 7.45 malam usai solat maghrib di atas puncak. Malam itu juga kami menaiki bas untuk ke Cappadocia. Perjalanan mengambil masa lebih kurang 7 jam dan harga tiket pula adalah TL 45. Yang seronoknya mengembara seperti ini ialah kami dapat menikmati pemandangan di sepanjang perjalanan tambahan pula Turki sekarang adalah dalam Musim Bunga. Banyak sungguh bunga-bunga yang sedang berkembang mekar seperti tulip dan bunga ros. Walaupun perjalanan sedikit melelahkan kerana perlu bergerak dengan berjalan kaki serta tidur di dalam bas sahaja namun ini lah pengalaman yang sangat berharga bagi kami. Kami tiba di Cappadocia jam 10 pagi dan terus mengikuti Red Tour yang dibuat oleh hotel tempat kami menginap. Dalam Red Tour ini dibawa melihat seluruh kawasan Anatolia seperti Underground City, Gerome Museum, Art and Jewel Gallery serta Ilisan

Valley. Asyik sungguh kami melihat bentuk muka bumi yang terhasil akibat hakisan dan berbentuk seperti cendawan. Hari kedua kami di Cappadocia kami mengikuti pula Green Tour serta perjalanan menaiki belon udara panas. Perjalanan ini agak mahal iaitu sekitar EUR 175. Memandangkan inilah peluang yang datang sekali seumur hidup kami mengambil kesempatan untuk mencuba pengalaman baru ini. Memang sangat mengagumkan pemandangan daripada atas belon. Bukit bukau serta bentuk muka bumi yang sangat menarik di Cappadocia menyebabkan kami berasa kagum dengan ciptaan yang Maha Esa. Untuk pengetahuan, untuk menaiki belon ini anda perlu keluar seawal jam 5 pagi dari hotel kerana perjalanan ke tempat permulaan adalah agak jauh serta bagi memberi peluang melihat matahari terbit dari ketinggian 3000 kaki! Usai mendarat dengan selamat di kawasan lapang kami semua diberikan sijil oleh juruterbang belon udara panas tersebut. Pada sebelah petangnya kami menaiki bas ke Nevshir kerana daripada Nevshir kami akan menaiki keretapi untuk ke Erzurum. Memang sangat melelahkan. Oleh kerana keletihan kami sempat tertidur di stesen keretapi. Mujurlah keretapi yang kami naiki agak lewat iaitu pada jam 11 malam. Kami memilih koc yang mempunyai katil kerana perjalanan ke Erzurum adalah agak jauh serta keadaan badan kami yang sangat penat. Tiket pula adalah sekitar TL 68.



Kami sampai di Erzurum sekitar jam 2 petang. Tepat pada masanya! Saya dijadualkan menjadi pembentang ketiga. Setelah menghantar suami ke bilik dan bersolat jamak, saya bergegas ke bilik persidangan, tanpa menunggu lama nama saya dipanggil. Pengerusi sesi merupakan seorang Profesor dari sebuah universiti di Indonesia. Alhamdulillah, hanya mengambil masa 10 minit sesi saya berakhir. Terdapat beberapa orang peserta yang bertanyakan soalan dan Alhamdulillah berupaya menjawab dengan baik. Malam itu kami ada majlis makan malam dan berkesempatan berjumpa dengan penyelidik tersohor dari seluruh dunia. Sempat bergambar kenangan dengan mereka.

Keesokan harinya, kami meneruskan perjalanan menuju ke Kota Istanbul. Yeay, Istanbul aku datang!! Kami menaiki Turkish Airlines untuk ke Istanbul kerana jaraknya yang sangat jauh. Banyak tempat menarik yang kami lawati seperti Hagia Sophia, Topkapi Palace, Grand Bazaar, Spice Bazaar dan Muzium Arkeologi. Subhanallah, sangat indah pemandangan di Kota Istanbul. Romantis suasana di waktu malam. Sebak dan sayu rasa hati apabila melihat peninggalan Nabi Muhammad SAW serta para sahabat di dalam Topkapi Palace. Setelah menghabiskan Dua hari di Kota Istanbul kami bertolak balik ke Malaysia pada 28 April 2014.



Program Teroka Alam Pulau Perhentian Kecil T E R E

Pengembaraan bermula



Taklimat peserta



Oleh : Zuraini Mohd Ideris

Pulau Perhentian terletak 21 km dari pantai Terengganu (Kuala Besut) yang terdiri daripada Pulau Perhentian Besar dan Pulau Perhentian Kecil. Kawasan ini dilitupi hutan yang menghiu, pantai yang memutih dengan pasir yang halus, air laut yang biru dan jernih. Lokasinya di pinggir kawasan Taman Laut Pulau Redang bermakna perairan di sekitar pulau ini ditaburi terumbu karang dan menawarkan pemandangan bawah laut yang mempersona untuk aktiviti menyelam skuba dan snorkeling. Maka tidak hairan mengapa kawasan ini merupakan tempat persinggahan nelayan, burung-burung yang berhijrah serta tarikan pelancong yang datang bercuti di Terengganu.

Pulau Perhentian ini adalah kawasan yang dilindungi di mana ianya merupakan sebahagian daripada kawasan Taman Marin Pulau Redang. Menyadari akan pentingnya menjaga dan menghargai alam sekitar, aktiviti mendekatkan diri dengan alam semulajadi dilihat sebagai salah satu laluan bagi mencapai hasrat ini. Program Teroka Alam Pulau Perhentian Kecil anjuran persatuan pelajar dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar telah dirangka bagi mencapai matlamat tersebut. Di antara pengisian program ini adalah kerja amal membersihkan kawasan daripada sampah-sarap di lokasi eko-pelancongan ini.



NGGANU

Program 3 hari ini berlangsung dari 6 hingga 8 April 2014 melibatkan hampir 40 peserta terdiri daripada pelajar dan staf Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar. Objektif utama program ini adalah untuk memberi kesedaran kepada peserta tentang kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dan alam semulajadi yang bertindak sebagai habitat flora dan fauna, selain mendekatkan diri dengan alam semulajadi dan memupuk perasaan cinta terhadapnya. Program ini juga bermatlamat untuk mengeratkan hubungan sesama peserta yang seterusnya melatih kemahiran insaniah peserta dalam aspek kerjasama berpasukan. Melalui program ini secara tidak langsung ia dapat melatih kelangsungan hidup dan jati diri di samping menguji ketahanan fizikal dan mental para peserta.

Diharap usaha yang kecil ini dapat memberi impak yang besar dalam membantu mengekalkan khazanah flora dan fauna di lokasi ini seterusnya membawa kepada perkembangan industri pelancongan di negeri yang terkenal dengan jolokan "Negeri Di Mana Alam Semulajadi Memayungi Warisan".

Peserta membersihkan kawasan sekitar pulau



"Fish Feeding"



Sebahagian pemandangan dasar laut yang sempat dirakamkan



LAWATAN KE TAPAK PEMBINAAN TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL SANITARI

Oleh: Zaity Syazwani Mohd Odli

Lawatan ke tapak pembinaan tapak pelupusan sisa pepejal telah diadakan oleh Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar pada 11 Februari 2014 dengan penyertaan peserta seramai 25 orang yang di ketuai oleh Dr. Nasrul Hamidin, selaku Timbalan Dekan Akademik. Tapak pelupusan sisa pepejal sanitari ini terletak di Rimba Mas, Mukim Titi Tinggi, Perlis dengan keluasan tanah seluas 41 hektar dikelilingi oleh ladang getah FELDA dan berdekatan dengan kuari batu kapur. Syarikat yang terlibat dalam pembinaan tapak pelupusan sisa pepejal ini ialah Berjaya Enviro Berhad sebagai Kontraktor dan IK Consult Sdn. Bhd yang merupakan Konsultan. Pembinaan tapak sisa pepejal sanitari bermula pada 1 Oktober 2013 dan dijangka siap pada 31 Julai 2015 dan menelan belanja kira-kira RM 52 juta. Pembinaan tapak ini adalah bertujuan untuk menampung sisa pepejal dari sekitar Perlis kerana tapak pelupusan sisa pepejal di Kuala Perlis telah di tutup manakala di Padang Siding pula sudah hampir ke penghujung jangka hayatnya. Sistem yang dibangunkan di tapak ini mempunyai Pelan Rawatan Air Larut Lesap (Leachate Treatment Plant) dan mengambil kira pelbagai faktor persekitaran bagi melestarikan alam sekitar.





LAWATAN INDUSTRI KE MALAYSIAN NPK FERTILIZER SDN. BHD

Oleh: Norazian Mohamed Noor

Pada 21 Mei lepas, satu lawatan ke Malaysian NPK Fertilizer Sdn. Bhd di Gurun telah diadakan. Lawatan industri bagi subjek Proses Asas Kejuruteraan Kimia (EAT104) ini telah diketuai oleh Dr. Norazian Mohamed Noor bersama-sama 3 orang PLV dan seramai hampir 70 orang pelajar-pelajar tahun 1 Program Kejuruteraan Alam Sekitar. Perjalanan ke Gurun bermula pada jam 11.00 pagi dari Kompleks Pengajian Jejawi 3 dengan menaiki 2 biji bas. Rombongan tiba di Gurun pada jam 12.30 tengahari dan singgah sebentar di Bandar Gurun untuk makan tengahari.

Temujanji dengan pihak kilang telah diatur pada jam 2.00 petang. Lawatan dimulakan dengan taklimat pengenalan pihak kilang kepada Ahli Lembaga Pengarah, Pegawai Pengurusan, sistem operasi dan seterusnya produk yang dikeluarkan serta proses-proses yang terlibat. Malaysian NPK Fertilizer yang mula beroperasi pada tahun 2004, merupakan syarikat usahasama NAFAS, Pertubuhan Peladang Negeri, Pertubuhan Peladang Kawasan, ahli-ahli Peladang dan Petronas Fertilizer Kedah Sdn. Bhd. Kilang ini memproses dan mengeluarkan baja sebatian dan mempunyai kapasiti pengilangan sebanyak 310,000 tan metrik setahun dengan kebolehan menghasilkan 12 formulasi baja.

Selepas sesi taklimat, para pelajar juga diberi peluang untuk berinteraksi dengan jurutera proses NPK bagi meningkatkan kefahaman pelajar tentang proses-proses yang dilakukan

semasa membuat baja sebatian NPK. Selesai sesi soaljawab bersama pelajar, Dr. Norazian Mohamed Noor mewakili PPKAS memberikan sedikit cenderahati kepada pihak kilang. Kemudian semua pelajar dan pengiring dibawa melihat kawasan pembungkusan baja dan sedikit penerangan diberikan oleh penyelia kawasan. Oleh kerana bilangan yang ramai, kami tidak dibenarkan melawat kawasan pemprosesan kilang, memadailah dengan kawasan pembungkusan sahaja. Lawatan ini diakhiri dengan jamuan minum petang yang telah disediakan oleh pihak NPK. Pihak PPKAS sangat berterima kasih atas penerimaan baik pihak NPK dan layanan mesra mereka sepanjang lawatan ini.



Karnival Pengajian Tinggi Negara Jom Masuk U Ke-10 Tahun 2014-Sabah



Oleh: Azlinda Abdul Ghani

Program ini diadakan bertempat di 1 Borneo Hyper Mall, Kota Kinabalu Sabah pada 12 hingga 13 April 2014. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan berkaitan institusi-institusi pendidikan yang terdapat di Malaysia kepada para pelajar dan ibu bapa. Disamping itu, melalui program ini pelajar secara tidak langsung dapat mengetahui lebih lanjut mengenai UniMAP dan dapat membuat keputusan yang tepat untuk memilih institusi yang bersesuaian dengan mereka.

Antara staf UniMAP yang terlibat sama dalam program ini adalah Cik Azlinda Abdul Ghani dari PPK Alam Sekitar, Dr. Abdul Hafiizh Ismail dari PP Teknologi Kejuruteraan, Cik Samera Samsudin Sah dari PPK Bioproses, dan dua orang wakil dari Anjung Kuala Lumpur iaitu Cik Nadia Nisha Zakaria dan Puan Norfadzlina Abd Majid.

Sambutan yang diperolehi adalah sangat menggalakkan apabila pengunjung telah memenuhi booth-booth pameran seawal jam 8.30 pagi. Seramai lebih kurang 15 000 orang hadir ke Karnival Jom Masuk U, Sabah pada tahun ini. Mereka terdiri dari pelbagai lapisan umur termasuklah pelajar sekolah menengah, pelajar matrikulasi, guru-guru dan juga ibu bapa yang menunjukkan minat untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang universiti-universiti dan juga pusat pendidikan yang lain.

Pemberian brosur dan cenderahati dibuat di samping para pengunjung perlu mengisi borang maklum balas dan menjawab kuiz ringkas sekiranya berminat. Secara keseluruhannya, melalui carnival seumpama ini, para pelajar dapat mengenali UniMAP dengan lebih mendalam. Info-info yang diperolehi dari booth UniMAP juga dapat membantu mereka untuk menambah pengetahuan mengenai kepelbagaian bidang Kejuruteraan di UniMAP bagi memudahkan mereka membuat pilihan di masa akan datang. Karnival seumpama ini sememangnya patut diteruskan pada masa-masa akan datang.

LAWATAN PANEL EAC

(ENGINEERING ACCREDITATION COUNCIL)
– PROGRAM KEJURUTERAAN AWAM

Oleh: Nur Liza Rahim

Dalam usaha untuk memastikan program kejuruteraan ijazah yang ditawarkan adalah terkini dan menepati keperluan semasa dan global, program-program tersebut akan melalui proses audit dan dinilai oleh panel – panel professional daripada *Engineering Accreditation Council* (EAC). Oleh itu, pada 8 dan 9 Januari 2014 yang lalu, delegasi panel EAC telah datang ke Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar (PPKAS) bagi melihat pendekatan dan pelaksanaan yang digunakan dalam proses pengajaran dan penilaian kursus – kursus kejuruteraan di pusat pengajian. Kehadiran panel adalah bagi menilai program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam yang ditawarkan di PPKAS. Panel EAC yang hadir pada hari tersebut ialah Prof. Ir. Dr. Siti Hawa Hamzah.

Sesi lawatan telah dimulakan dengan penerangan ringkas daripada pihak panel dan seterusnya taklimat ringkas yang disampaikan oleh Dekan PPKAS, Profesor Madya Dr. Khairul Nizar Ismail. Sesi ini diteruskan dengan mesyuarat di antara panel dan pengerusi rancangan bagi program Kejuruteraan Awam.

Beberapa Pegawai Perhubungan dan Pegawai Hal Ehwal Dokumentasi telah dilantik bagi melicinkan lagi perjalanan lawatan tersebut. Proses penilaian tersebut telah berlangsung di Bilik Fail Kejuruteraan Awam di mana semua fail yang bakal disemak telah ditempatkan di sana. Sesi lawatan juga turut melibatkan sesi temubual bersama kakitangan akademik dan sokongan PPKAS.

Selain daripada kakitangan, beberapa orang pelajar juga telah dipilih secara rawak untuk ditemubual oleh pihak panel. Lawatan ini juga turut memuatkan sesi perjumpaan di antara panel EAC dengan *stakeholders* termasuklah alumni, penasihat latihan industri dan pihak majikan. Selain itu, panel juga telah melawat kemudahan – kemudahan yang disediakan oleh pusat pengajian termasuklah perpustakaan mini, dan dewan kuliah.

Hari kedua sesi lawatan, pihak panel telah dibawa melawat ke makmal – makmal PPKAS. Sesi lawatan ini bertujuan untuk menilai tahap manual ujikaji, fasiliti makmal dan sistem keselamatan makmal yang diamalkan di PPKAS. Lawatan tersebut berjalan dengan jayanya hasil kerjasama dan usaha semua kakitangan PPKAS. Lawatan ini berakhir pada pukul 5.00 petang.

Secara keseluruhannya, walaupun pihak pusat pengajian amat berpuashati dengan hasil lawatan ini, masih terdapat pelbagai aspek yang perlu diperbaiki bagi meningkatkan lagi kualiti program kejuruteraan yang ditawarkan. Akhir kata, pihak pusat pengajian merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dengan baik sepanjang tempoh lawatan EAC ini.



PAMERAN SERTA TAKLIMAT KEMASUKAN UNIVERSITI SEMPENA MAJLIS KONVOKEYEN DI POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA



Oleh: Mustaqqim Abdul Rahim

Sempena konvokesyen di Politeknik Merlimau Melaka, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah membuka satu booth pameran di tapak konvokesyen politeknik tersebut. UniMAP diwakili oleh seketariat dari Anjung UniMAP Kuala Lumpur, PPK Sistem Elektrik dan PPK Alam Sekitar. PPK Alam Sekitar diwakili oleh En. Mustaqqim Bin Abdul Rahim. Selain UniMAP, beberapa IPTA lain seperti UTEM dan UMT juga mengambil bahagian didalam pameran ini. Pameran ini berlangsung selama dua hari iaitu pada 22 dan 23 Mac 2014. Tujuan pameran ini adalah untuk memdedahkan kepada graduan Politeknik tentang peluang melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah di UniMAP. Maka, penerangan mengenai kursus yang ditawarkan dan kemudahan yang di sediakan di beri secara terperinci untuk menarik minat mereka.

MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO (MTE 2014)

Prepared by: Tengku Nuraiti Tengku Izhar

Since its inception in 2001, the Malaysia International Technology Expo (MTE) has evolved to be the leading international invention and innovation expo in the region. It is an annual event that exhibits inventions and innovations to a targeted audience of trade visitors. MTE 2014 is their 13th edition showcasing more than 700 local and international inventions, innovations, products, designs and ideas for commercialisation. MTE aim is to introduce new innovations to targeted trade visitors and market. It is the platform and gateway for inventors, innovators, scientists and entrepreneurs to show case their findings.

The three-day show started on 20 February 2014, held at the Putra World Trade Centre (PWTC), has attract an estimated 10,000 trade visitors and more than 100 exhibitors. The visitors are coming from different fields such as engineering, green technology, medicine and health, education, social science, security and communication. The MTE also feature the Asian Youth Innovation Awards and Expo 2014 with the objective to encourage and nurture a new breed of technocrats. It is organised by the Malaysian Association of Research Scientists and Protemp Exhibitions Sdn. Bhd. Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) emerged



Picture credit to Unit PerancangStrategikUniMAP (<http://upspuspek.blogspot.com/2014/02/malaysia-technology-expo-mte-2014.html>)

the overall champion with 15 gold, 11 silver and eight bronze medals out of the 35 products contested at the expo. At MTE 2013, it won seven gold, 10 silver and 10 bronze medals out of the 27 products it contested. Congratulations to Puan Roshazita Che Amat (Bottom Ash Binder, Silver) and Puan Norlia Mohammad Ibrahim (Innovative IBS Block, Bronze) for their achievement at MTE 2014.



Puan Norlia during evaluation session. She bagged a Bronze Medal for her product.



Pn. Roshazita with her Silver Medal for her product 'Bottom Ash Binder'

LIST OF PUBLICATIONS AND RESEARCH GRANT 2014

(Jan – Jun 2014)

Journals

No.	Author(s)	Title	Publisher
1	Yusoff, N., Ong, S.-A., Ho, L.-N., Wong, Y.-S., Khalik, W.	Degradation of phenol through solar-photocatalytic treatment by zinc oxide in aqueous solution	Desalination and Water Treatment
2	Ong, S.-A., Ho, L.-N., Wong, Y.-S., Chen, S.-F.	Artificial aeration to enhance the mineralization of mono azo (methyl orange)-containing wastewater using recirculated up-flow constructed wetland	Environmental Engineering and Management Journal
3	Ong, S.-A., Ho, L.-N., Wong, Y.-S.	Comparison on biodegradation of anionic dye orange II and cationic dye methylene blue by immobilized microorganisms on spent granular activated carbon	Desalination and Water Treatment
4	Lau, Y.-Y., Wong, Y.-S., Teng, T.-T., Rafatullah, M., Ong, S.-A.	Coagulation-flocculation of azo dye acid orange 7 with green refined laterite soil	Chemical Engineering Journal
5	Nizar, I.K., Al Bakri, A.M.M., Rafiza, A.R., (...), Alida, A., Zarina, Y.	Study on physical and chemical properties of fly ash from different area in Malaysia	Key Engineering Materials
6	Abdulkareem, O.A., Al Bakri, A.M.M., Kamarudin, H., Nizar, I.K.	Fire resistance evaluation of lightweight geopolymer concrete system exposed to elevated temperatures of 100-800 °C	Key Engineering Materials
7	Zarina, Y., Kamarudin, H., Al Bakri, A.M.M., Nizar, I.K., Rafiza, A.R.	Influence of dolomite on the mechanical properties of boiler ash geopolymer paste	Key Engineering Materials
8	Fazara, M.A.U., Jainoo, I., Ismail, K.N., Hussin, K., Fahmi, M.R.	Physicochemical properties of pyrolytic carbon black from waste tyres	Key Engineering Materials
9	Rafiza, A.R., Al Bakri, A.M.M., Kamarudin, H., (...), Wan Badaruzzaman, W.H., Zarina, Y.	Microstructure study on volcano ash geopolymer aggregate at different sintering temperature	Key Engineering Materials
10	Abdulkareem, O.A., Mustafa Al Bakri, A.M., Kamarudin, H., Khairul Nizar, I., Saif, A.A.	Effects of elevated temperatures on the thermal behavior and mechanical performance of fly ash geopolymer paste, mortar and lightweight concrete	Construction and Building Materials
11	Noor, M.N., A.M. Mustafa Al Bakri, Yahaya, A.S., Ramli, N.A., Fitri, N.F.M.Y.	Filling Missing Data using Interpolation Methods: Study on the Effect of Fitting Distribution.	Key Engineering Materials 594-595,889-895.
12	Noor, M.N., Yahaya, A.S., Ramli, N.A., A.M. Mustafa Al Bakri	Mean imputation Techniques for Filling the Missing Observations in Air Pollutant Datas	Key Engineering Materials 594-595,902-908.
13	Muhammad Ridwan Fahmi, Nasrul Hamidin, Che Zulzikrami Azner Abidin, M. Ali Umi Fazara, M.D. Irfan Hatim	Performance Evaluation of Okra (Abelmoschus esculentus) as Coagulant for Turbidity Removal in Water Treatment	Key Engineering Materials, Advanced Materials Engineering and Technology II, Trans Tech Publication, pp 226-230

14.	S.Ragunathan ^{1*} , Azlinda A.G ¹ , S.T.Sam.	Polypropylene/Acrylonitrile Butadiene Composites containing rice husk powder: Effects of trans-polyoctylene rubber (TOR)\	Key Engineering Material
15.	Mustaqqim Abdul Rahim ^{1, a} , Zuhayr Md Ghazaly ^{1, b} , Ragunathan Santiago ¹ ,	The Behaviours Of Steel Fiber As Main Reinforcement In High Performance Slurry Infiltrated Fiber Reinforced Concrete.	Key Engineering Material
16.	S.T.Sam S.Ragunathan,	Tensile and Morphological Properties of Low Density Polyethylene/ Spear Grass Composites	Key Engineering Material
17.	Santiago, R., Ting, S.S., Ghani, A.A., Rahim, M.A., Ghazaly, Z.M.	Effects of trans-polyoctylene rubber in polypropylene/recycled acrylonitrile butadiene/rice husk powder composites	Key Engineering Materials
18.	Sam, S.T., Nuradibah, M.A., Ismail, H., Noriman, N.Z., Ragunathan, S.	Recent Advances in Polyolefins/Natural Polymer Blends Used for Packaging Application	Polymer - Plastics Technology and Engineering
19.	Abdul Khalil, K., Mustafa, S., Mohammad, R., Ahmad, S.A., Dahalan, F.A.	Optimization of milk-based medium for efficient cultivation of bifidobacterium pseudocatenulatum g4 using face-centered central composite-response surface methodology	BioMed Research International
20.	Dahalan, F.A., Yunus, I., Johari, W.L.W., Shamaan, N.A., Syed, M.A.	Growth kinetics of a diesel-degrading bacterial strain from petroleum-contaminated soil	Journal of Environmental Biology
21.	Ibrahim, N.M., Amat, R.C., Salehuddin, S., Razak, A.R.A., Ooi, W.H.	Properties of lightweight concrete composites with mixture of fly ash and concrete sludge aggregate	Key Engineering Materials
22.	Rahim, N.L., Ibrahim, N.M., Salehuddin, S., Mohammed, S.A., Hibadullah, C.R.	The utilization of aluminum waste as sand replacement in concrete	Key Engineering Materials
23.	M. R. Taha and A. H. Ibrahim	COD removal from anaerobically treated palm oil mill effluent (AT-POME) via aerated heterogeneous Fenton process: Optimization study	Journal of Water Process Engineering
24.	Yee-Shian Wong; Tjoon-Tow Teng; Soon-An Ong; M. Norhashimah; M. Rafatullah; Jing-Yong Leong	Methane gas production from palm oil wastewater-An anaerobic methanogenic degradation process in continuous stirrer suspended closed anaerobic reactor	Journal of the Taiwan Institute of Chemical Engineers, 45 (3), pp. 896-900 (2014)
25.	Yee-Shian Wong; Tjoon-Tow Teng; Soon-An Ong; M. Norhashimah; M. Rafatullah	Start-up Operation and Hydraulic Retention Time Selectivity for Palm Oil Mill Wastewater at Mesophilic Temperature in Anaerobic Suspended Growth Closed Bioreactor	Advanced Materials Research Vols. 955-959 (2014) pp 1330-1334
26.	Yee-Shian Wong; Tjoon-Tow Teng; Soon-An Ong; M. Norhashimah; M. Rafatullah	Identification of Anaerobic Microbial Communities for the Treatment of Palm Oil Mill Wastewater	WIT Transactions on the Built Environment ISSN: 1743-3509 (WIT Press Publication) Article In Press
27.	Yee-Shian Wong; Tjoon-Tow Teng; Soon-An Ong; M. Norhashimah; M. Rafatullah	Volatile Fatty Acid and Biogas Profile in the Anaerobic Degradation Process of Palm Oil Mill Wastewater	WIT Transactions on the Built Environment ISSN: 1743-3509 (WIT Press Publication) Article In Press

Proceedings - Seminars – Conferences

No.	Author(s)	Title	Publisher
1	M R Taha, A H Ibrahim, R C Amat and A W Azhari	Applicability of nano zero valent iron (nZVI) in sono – Fenton process	IOP Science
2.	Che Zulzikrami Azner Abidin, Muhammad Ridwan Fahmi, Ong Soon-An, Nazerry Rosmady Rahmat, Siti Nurfatin Nakhirah Mohd Makhtar and Razi Ahmad	Effect of pH and H ₂ O ₂ Dosage on the Photooxidative Degradation of Reactive Red 120 (RR120) by UV-H ₂ O ₂	The International Malaysia-Ireland Joint Symposium on Engineering, Science and Business, 24-26 June 2014, Penang.
3.	Muhammad RidwanFahmi, Che Zulzikrami Azner Abidin and Umi Fazara Md. Ali	Degradation Characteristic of Monoazo, Diazo and Anthraquinone Dye by UV/H ₂ O ₂ Process	The Third International Conference on Fundamental and Applied Sciences, 3-4 June 2014, Kuala Lumpur.
4.	Siti Fatimah Zahra Mohd Sarif, Fahmi Muhammad Ridwan, Nurfaiza Mohamud, Che Zulzikrami Azner Abidin, Syifa' Syahida Alias, and Umi Fazara Md. Ali	Disintegration of Rubber Sludge by Ozonation	The International Malaysia-Ireland Joint Symposium on Engineering, Science and Business, 24-26 June 2014, Penang

Properties of Lightweight Bubbles Aggregate (LBA) for the Replacement of Coarse Aggregates in Concrete

Norlia Mohamad Ibrahim^{1,a}, Leong Qi Wen^{1,b}, Roshazita Che Amat^{1,c}, Taksiah Abdul Majid^{2,d},
Nur Liza Rahim^{1,e}, Shamshinar Shamsuddin^{1,f}

¹School of Environmental Engineering, Universiti Malaysia Perlis, Kompleks Pusat Pengajian Jejawi 3, 02600 Arau, Perlis, Malaysia.

